



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**MUSIBAH BANJIR:
PENGALAMAN DAN REAKSI EMOSI KANAK-KANAK MANGSA BANJIR**

Nur Hafiza Ishak

**Kota Samarahan
2008**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Gred:

JUDUL : PENGALAMAN DAN REAKSI EMOSI KANAK-KANAK MANGSA BANJIR

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya NUR HAFIZA ISHAK

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (√)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(NUR HAFIZA ISHAK)

(CIK SAMSI AH HAJI JAYOS)

Alamat Tetap:

Tarikh : _____

Tarikh: _____

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

**MUSIBAH BANJIR:
PENGALAMAN DAN REAKSI EMOSI KANAK-KANAK MANGSA BANJIR**

NUR HAFIZA ISHAK

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak
2008

Projek bertajuk 'Musibah Banjir: Pengalaman dan Reaksi Emosi Kanak-kanak Mangsa Banjir' telah disediakan oleh Nur Hafiza Ishak dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Cik Samsiah Haji Jayos)

Tarikh:

Gred

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kajian ini, Cik Amalia Madihie K.B. P.A. (MAL) dan Cik Samsiah Jayos K.B. P.A. (MAL) di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Pelbagai ilmu telah kalian turunkan kepada saya untuk menghasilkan kajian yang terbaik ini. Jutaan terima kasih turut tidak dilupakan kepada pihak Jabatan Kaunseling terutamanya para pensyarah yang banyak memberikan maklumat yang berkaitan dengan kajian saya ini. Jasa baik semua staf di Jabatan Kaunseling tidak akan saya lupakan.

Berbanyak terima kasih saya ucapkan kepada Ketua Kampung Kampung Jawa, Encik Baharom bin A. Manan di atas bantuan yang telah diberikan. Tanpa bantuan beliau kajian ini tidak dapat diteruskan. Jasa beliau tidak ternilai harganya.

Buat ibu bapa saya, Encik Ishak Abd Malek dan Puan Habsah Mohamad, tidak ternilai jasa kalian buat anakandamu ini. Tiada kata dan nilai yang boleh dibandingkan dengan nilai jasa, pengorbanan, dorongan dan sokongan yang telah kalian berikan kepadaku. Buat adik-beradik saya, Nur Hafeez, Nur Hafifi, Nur Hafaizi dan Nur Habaiti, tiupan semangat dan kasih sayang kalian membakarkan lagi semangat untuk diri ini memperolehi kejayaan yang cemerlang. Tidak ketinggalan insan yang banyak menyokong diri ini tidak kira senang atau susah. Diri anda sentiasa menjadi nadi kepada diri yang lemah ini. Terima kasih kerana sentiasa menjadi tulang belakang kepada diri ini untuk terus berdiri dan melangkah lebih jauh menjadi seorang pelajar yang cemerlang.

Terima kasih tidak terhingga buat sahabat-sahabat yang sanggup bertungkus-lumus menyiapkan kajian ini. Idea dan ilmu kalian berikan tidak akan saya lupakan. Terima kasih juga kepada sesiapa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian saya ini.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iii	
Jadual kandungan	iv	
Senarai rajah	viii	
Senarai jadual	ix	
Abstrak	x	
<i>Abstract</i>	xi	
BAB 1 PENDAHULUAN		
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar belakang kajian	2
	1.1.1 Bencana alam semulajadi	
	1.1.2 Kanak-kanak dan banjir	
1.2	Pernyataan masalah	5
1.3	Persoalan kajian	6
1.4	Objektif kajian	6
	1.4.1 Objektif umum	
	1.4.2 Objektif khusus	
1.5	Kerangka konseptual	8
1.6	Kepentingan kajian	9
	1.6.1 Kepentingan kepada kaunselor	
	1.6.2 Kepentingan kepada ibu bapa	
1.7	Limitasi	10
	1.7.1 Limitasi kajian	
	1.7.2 Limitasi kepada pengkaji	
1.8	Definisi konseptual dan operasional	11
	1.8.1 Banjir	
	1.8.2 Emosi	
	1.8.3 Reaksi emosi	
	1.8.4 Kanak-kanak	

1.9	Kesimpulan	14
-----	------------	----

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	15
2.1	Sorotan literatur	16
	2.1.1 Kesan kejadian trauma	
	2.1.2 Reaksi emosi	
	2.1.3 Usia	
	2.1.4 Jantina dan reaksi emosi	
	2.1.5 Lukisan dan kanak-kanak	
	2.1.6 Warna dan kanak-kanak	
2.2	Kesimpulan	25

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	26
3.1	Lokasi kajian	27
3.2	Rekabentuk kajian	27
	3.2.1 Sampel kajian	
3.3	Prosedur pengumpulan data dan penganalisan data	28
	3.3.1 Prosedur pengumpulan data	
	3.3.1.1 Borang Pemberitahuan Persetujuan	
	3.3.1.2 Temubual	
	3.3.1.3 Pemerhatian	
	3.3.1.4 Teknik lukisan	
	3.3.2 Prosedur penganalisan data	
	3.3.2.1 Transkrip data	
	3.3.2.2 <i>Content analysis</i>	

3.3.2.3 *Coding analysis*

3.3.2.4 Penganalisaan lukisan

3.4 Kesimpulan 34

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan 35

4.1 Latar belakang responden 36

4.2 Analisa hasil temubual 36

4.2.1 Pengalaman dan reaksi emosi sebelum
kejadian banjir berlaku

4.2.2 Pengalaman dan reaksi emosi semasa
kejadian banjir berlaku

4.2.3 Pengalaman dan reaksi emosi selepas
kejadian banjir berlaku

4.2.4 Pengalaman yang paling memberikan reaksi
emosi kepada kanak-kanak yang terlibat dengan
banjir

4.3 Analisa lukisan dan warna 49

4.4 Kesimpulan 52

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan 53

5.1 Rumusan kajian 54

5.2 Rumusan dapatan kajian 54

5.3 Implikasi kajian 56

5.4 Cadangan 57

	5.4.1	Cadangan kepada kaunselor	
	5.4.2	Cadangan kepada ibu bapa	
	5.4.3	Cadangan kepada pekerja sosial	
	5.4.4	Cadangan kepada pengkaji akan datang	
	5.5	Kesimpulan	61
	RUJUKAN		62
	LAMPIRAN		67

SENARAI RAJAH

Rajah 1

Kerangka konseptual

8

SENARAI JADUAL

Jadual 1

Umur dan reaksi emosi 20

Jadual 2

Warna dan reaksi emosi 25

Jadual 3

Contoh transkrip data 31

Jadual 4

Contoh *coding analysis* 33

Jadual 5

Pengalaman dan reaksi emosi sebelum kejadian banjir berlaku 37

Jadual 6

Pengalaman dan reaksi emosi semasa kejadian banjir 40

Jadual 7

(i) Pengalaman dan reaksi emosi selepas kejadian banjir 43

Jadual 8

(ii) Pengalaman dan reaksi emosi selepas kejadian banjir 45

Jadual 9

Analisa dan warna yang digunakan 50

Jadual 10

Rumusan intepretasi lukisan, warna dan reaksi yang ditunjukkan 56

ABSTRAK

MUSIBAH BANJIR: PENGALAMAN DAN REAKSI EMOSI KANAK-KANAK MANGSA BANJIR

Nur Hafiza Ishak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengalaman dan reaksi emosi kanak-kanak mangsa banjir yang berlaku pada akhir tahun 2006. Selain itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kejadian dan pengalaman yang paling memberikan reaksi emosi yang mendalam kepada kanak-kanak ini. Kajian ini berbentuk kajian kes terhadap seorang kanak-kanak perempuan mangsa banjir. Lokasi kajian ini adalah di daerah Segamat, Johor. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur, pemerhatian dan lukisan dalam mendapatkan data yang terperinci. Hasil dapatan telah dianalisa menggunakan tiga (3) kaedah utama iaitu transkrip data, *content analysis* dan *coding analysis*. Lukisan yang dilukis dianalisa berdasarkan warna yang digunakan semasa melukis. Hasil dapatan menunjukkan terdapat reaksi emosi yang wujud akibat banjir yang telah berlaku. Namun begitu, reaksi emosi lebih ketara ditunjukkan kesan daripada peristiwa bot karam dan kematian orang tersayang ketika banjir berlaku. Kajian ini telah memberi panduan yang berguna kepada para kaunselor, ibu bapa dan pekerja sosial mengenai peranan yang perlu dimainkan bagi mengatasi masalah psikologikal yang lebih teruk dalam diri kanak-kanak mangsa banjir.

ABSTRACT

EXPERIENCE AND REACTION EMOTION AMONG CHILDREN DURING FLOOD DISASTER

Nur Hafiza Ishak

This research aims to identify experiences and reaction emotion among children during flood disaster which is at the end of 2006. Besides that, this research was conducted to identify the event that causes the most reaction emotion among children during the flood disaster. This is a case study towards a young girl who is the victim of the flood disaster. The researcher used non-structured interview, observation and drawing techniques in getting the detailed data. The findings were analyzed by using three (3) methods which are transcript data, content analysis and coding analysis. The drawing was analyzed based on the color used by the victim in her drawing. The findings showed that there was reaction emotion which occurred due to the flood disaster. However, reaction emotion was shown very clearly to the boat sinking incident and loss of loved ones during the flood disaster. This research gives a substantive guidance to counselors, parents and social workers about the role that they should play to avoid psychological problem which is more severe to the children affected during the flood disaster.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan mengenai latar belakang kajian iaitu banjir, kanak-kanak yang menjadi mangsa banjir dan kesan banjir terhadap emosi kanak-kanak mangsa banjir. Pengkaji turut menerangkan objektif kajian yang dijalankan ini kepada pembaca. Objektif kajian terbahagi kepada dua (2) iaitu objektif umum dan objektif khusus. Bagi menambahkan kefahaman pembaca, pengkaji turut menerangkan definisi beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi tersebut terbahagi kepada dua (2) kategori utama iaitu definisi konseptual dan definisi operasional. Pengkaji juga menerangkan mengenai kepentingan kajian yang dijalankan ini terhadap ibu bapa dan kaunselor. Malah, pengkaji turut membincangkan mengenai limitasi dalam kajian ini. Diharapkan bab ini dapat memberikan pengetahuan yang jelas kepada pembaca berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini membincangkan lebih lanjut berkaitan dengan bencana alam semula jadi dan kesan ke atas kanak-kanak yang menjadi mangsa bencana alam ini.

1.1.1 Bencana alam semulajadi

Bencana banjir bukan salah satu bencana semulajadi yang asing berlaku di Malaysia. Banjir merupakan keadaan di mana air telah naik melebihi paras bahaya dan diisytiharkan banjir oleh pihak berkuasa (Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 2007). Pada akhir tahun 2006, Malaysia dikejutkan dengan bencana banjir yang terburuk sejak 100 tahun lalu di negeri Johor (Jabatan Meterologi Malaysia, 2006). Bencana banjir ini adalah disebabkan hujan lebat yang turun secara berterusan. Kejadian hujan lebat luar biasa ini adalah akibat pertembungan angin kencang yang bertiup dari lautan Pasifik Barat dengan luruan monsun dari benua Rusia dan China di kawasan Laut Cina Selatan (Jabatan Meterologi Malaysia, 2006). Ini diperakui lagi oleh Dr. Main Rindam, Pensyarah Geografi dan Hidrologi Pusat Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), hujan di Johor adalah satu kejadian ekstrem yang terjadi disebabkan gelombang pertama memang dipengaruhi oleh angin monsun timur laut dan kedua disebabkan wujudnya angin panas daripada Khatulistiwa (Nurul Huda Hassan, 2007). Terdapat banyak penempatan semula telah dibuka untuk memindahkan mangsa-mangsa banjir ke tempat yang lebih selamat. Fenomena banjir yang luar biasa melanda negeri Johor bukan sahaja menyebabkan kemusnahan harta benda, malah turut meragut beberapa nyawa.

Kini bencana alam bukanlah satu kejadian asing yang berlaku di dunia serba moden ini (Bryant dan Boman, 2000). Antara contoh bencana yang telah berlaku ialah tsunami pada tahun 2004 yang mengorbankan hampir 100 000 nyawa dan kehilangan tempat tinggal. Banjir merupakan bencana alam yang ketiga terbesar dan telah banyak mengorbankan nyawa dan merosakkan harta benda (Gittelman, 2004).

Bencana alam semulajadi ini adalah berkait rapat dengan ribut petir dan musim terkujuh. Secara fitrahnya, banjir adalah satu fenomena yang tidak boleh dielakkan. Kejadian bencana sebegini biasanya mempunyai kadar kematian yang tinggi di negara kurang membangun berbanding negara yang maju (Bryant dan Boman, 2000). Namun pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengurangkan kadar kematian akibat bencana alam yang berlaku. Langkah pencegahan boleh dilakukan untuk mengelakkan bencana ini berlaku seperti pembesaran sungai dan pengurangan pencemaran sungai.

Banjir adalah bencana semulajadi yang boleh memberikan kesan yang negatif kepada mangsanya. Kesan yang dapat dilihat ialah dari segi psikologikal, kewangan dan kesihatan (Bryant dan Boman, 2000). Walaupun amaran telah diberikan, kesan banjir itu adalah sangat besar. Kesan tersebut adalah seperti keruntuhan bangunan, keruntuhan hubungan sosial, kehilangan pekerjaan dan pendapatan (Wiesaeth, 1995). Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia telah mengenalpasti terdapat lebih kurang 1000 orang mangsa yang mengalami pengalaman trauma disebabkan banjir besar di Johor malah kerugian yang besar telah berlaku akibat daripada banjir tersebut (Zainol Denon, 2007). Kesan banjir ini bukan setakat mengganggu kewangan, malah turut mengganggu emosi mangsa yang terlibat.

1.1.2 Kanak-kanak dan banjir

Kanak-kanak adalah individu yang mudah terdedah dengan bahaya banjir. Mereka sering kali menganggap bahawa bencana banjir adalah satu kejadian yang memberi peluang kepada mereka untuk bermain dengan air secara terbuka. Bencana banjir turut memberi peluang kepada mereka untuk bercuti panjang daripada sesi persekolahan. Ini kerana kebanyakan sekolah yang berhampiran dengan kawasan banjir dijadikan tempat pemindahan mangsa banjir (Nurul Huda Hassan, 2007). Walaupun rata-ratanya kanak-kanak gemar bermain dengan air banjir, masih terdapat kanak-kanak yang takut dan trauma dengan bencana banjir ini. Lebih-lebih lagi bencana banjir yang berlaku tersebut adalah bencana banjir yang besar. Ini menunjukkan bahawa terdapat kesan psikologi di dalam diri kanak-kanak mangsa banjir.

Bencana alam sebegini boleh memberikan kesan jangka panjang kepada mangsanya terutama kanak-kanak. Kesan jangka panjang tersebut ialah trauma, ketakutan yang melampau apabila hujan turun dengan lebat, tidak dapat tidur apabila hujan turun dan pelbagai lagi. Ini dapat dikaitkan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Bahrack, Fivush, Goldberg, Parker dan Sales pada tahun 2004 iaitu kanak-kanak lebih mudah mengingati sesuatu kejadian yang memberi tekanan kepada mereka. Pengkaji-pengkaj tersebut menyatakan kanak-kanak yang terdedah dengan kejadian seumpamanya ini lebih mudah untuk mengingati kejadian tersebut. Lebih-lebih lagi sekiranya kanak-kanak tersebut mempunyai pengalaman yang ekstrem berkaitan dengan kejadian tersebut.

Kanak-kanak lebih mudah untuk mengingati kembali sesuatu kejadian trauma dan fakta yang dikeluarkan berkaitan dengan kejadian oleh kanak-kanak terbabit adalah tepat (Santrock, 2006). Pada peringkat awal kanak-kanak, memori jangka panjang mula terbentuk oleh beberapa rangsangan atau kejadian yang berlaku di persekitaran kanak-kanak terbabit (Santrock, 2006). Kejadian yang diingati seperti kejadian trauma boleh memberikan reaksi emosi yang berpanjangan kepada kanak-kanak yang mengalaminya. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengenalpasti pengalaman dan reaksi emosi kanak-kanak yang terbabit dengan kejadian banjir besar ini.

1.2 Penyataan Masalah

Bahrack, Parker, Fivush dan Levit (1998) telah mengkaji kesan tekanan berkaitan memori jangka panjang terhadap bencana semula jadi. Daripada kajian tersebut, mereka mendapati bahawa mangsa dapat mengingati kembali kejadian tersebut. Semua mangsa menunjukkan mereka boleh mengingati kejadian tersebut dengan terperinci dan jelas. Pengalaman yang dialami itu masih boleh diingati walaupun selepas enam (6) tahun bencana itu berlaku. Pengalaman yang dialami itu boleh memberikan kesan emosi yang berpanjangan sekiranya pengalaman tersebut adalah ekstrem bagi individu yang mengalaminya sendiri.

Kanak-kanak dan golongan remaja yang mengalami trauma mudah terdedah dengan kesan psikologi termasuk bukan sahaja *post traumatic stress* tetapi juga kekacauan psikologi (Bolton dan O’Ryan, 2000). Masih ramai yang belum mengetahui tentang kesan emosi jangka panjang kejadian trauma terutama kanak-kanak yang masih kecil ketika kejadian berlaku (Bahrack, Fivush, Goldberg, Parker dan Sales, 2004).

Kajian selanjutnya perlu diteruskan mengenai pengalaman kanak-kanak dan reaksi emosi yang dialami selepas beberapa tahun kejadian berlaku. Malah kajian berkaitan dengan emosi dan tekanan akibat kejadian tersebut perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan bertujuan untuk mengurangkan tekanan emosi tersebut (Bahrck, Fivush, Goldberg, Parker dan Sales, 2004). Tekanan dan gangguan emosi ini boleh merencatkan tumbesaran fizikal, mental, dan emosi kanak-kanak yang terlibat.

1.3 Persoalan kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab dua (2) persoalan kajian. Persoalan kajian tersebut adalah :

- a) apakah reaksi emosi kanak-kanak mangsa kejadian banjir? dan
- b) apakah pengalaman yang paling memberikan reaksi emosi kepada kanak-kanak mangsa banjir?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua (2) iaitu objektif umum dan objektif khusus. Ini adalah untuk mengetahui perkara yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam kajian ini. Objektif umum bertujuan mengkaji kenyataan berkaitan kajian ini secara keseluruhan. Manakala objektif khusus pula bertujuan mengkaji lebih khusus dan mendalam kenyataan yang ingin dikaji dalam kajian ini.

1.4.1 Objektif Umum

Secara umumnya, pengkaji ini mengkaji reaksi emosi kanak-kanak mangsa banjir.


1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus yang ingin dikaji ialah :

- a) mengenal pasti reaksi emosi kanak-kanak mangsa banjir sebelum banjir berlaku,
- b) mengenal pasti reaksi emosi kanak-kanak mangsa banjir semasa banjir berlaku,
- c) mengenal pasti reaksi emosi kanak-kanak mangsa banjir selepas banjir berlaku, dan
- d) mengenal pasti pengalaman yang memberikan reaksi emosi kepada kanak-kanak yang terlibat dengan banjir besar.

1.5 Kerangka konseptual

Rajah 1: Kerangka konseptual



Berdasarkan kajian ini, satu kerangka konsep telah dibentuk berdasarkan literatur-literatur terdahulu. Kerangka konseptual ini menerangkan bahawa pengkaji ingin mengkaji reaksi emosi dan pengalaman yang memberi kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak mangsa banjir. Menurut (Brown dan Goodman, 2005), pengalaman yang signifikan dalam hidup akan memberikan reaksi emosi berpanjangan kepada kanak-kanak yang mengalaminya.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan tersendiri. Kepentingan ini lebih tertumpu kepada kepentingan kepada kaunselor dan ibu bapa kanak-kanak mangsa banjir.

1.6.1 Kepentingan kepada kaunselor

Kajian ini memberi peluang kepada kaunselor untuk lebih memahami emosi yang dialami oleh kanak-kanak mangsa banjir. Ramai yang berpendapat bahawa golongan dewasa sahaja mengalami tekanan emosi. Maka dengan itu kaunselor banyak menumpukan kepada golongan dewasa sahaja. Sehubungan itu, kajian ini dapat membantu kaunselor untuk memahami kanak-kanak dalam membantu kanak-kanak menyesuaikan diri selepas kejadian banjir berlaku. Malah, kajian ini dapat mempertingkatkan lagi pengetahuan kaunselor berkaitan dengan reaksi emosi kanak-kanak yang terlibat dengan banjir besar. Ini memberi peluang kepada kaunselor untuk lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah yang dialami kanak-kanak mangsa banjir.

1.6.2 Kepentingan kepada ibu bapa

Ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan kanak-kanak. Ini kerana ibu bapa tersebut yang menjaga dan membesarkan kanak-kanak. Kajian ini memberi peluang kepada ibu bapa memahami emosi yang dialami oleh anak-anak mereka. Malah, kajian ini dapat menambahkan pengetahuan ibu bapa berkaitan dengan sikap dan tingkah laku yang membawa kepada kesan trauma yang berpanjangan akibat banjir besar ini. Maka seterusnya dapat mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku seperti bunuh diri, skizoprenia dan pelbagai lagi.

1.7 Limitasi

Kajian ini turut mempunyai limitasinya tersendiri. Limitasi ini terbahagi kepada dua (2) iaitu limitasi kajian dan limitasi kepada pengkaji itu sendiri.

1.7.1 Limitasi kajian

Kajian ini lebih tertumpu kepada kanak-kanak perempuan sahaja mengenai reaksi emosi yang ditunjukkan akibat banjir. Sehubungan dengan itu, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua kanak-kanak yang terlibat dengan banjir. Selain itu, pengkaji hanya menfokuskan reaksi emosi yang wujud dan bukan kepada cara kanak-kanak mangsa banjir menyesuaikan diri selepas peristiwa banjir tersebut.

1.7.2 Limitasi kepada pengkaji

Dalam menyiapkan kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang pengkaji perlu tempuhi. Antara limitasi tersebut adalah kesukaran mendapatkan partisipan. Ini kerana partisipan telah berpindah dari kawasan asal yang didiaminya. Selain itu, cuaca juga menyukarkan pengkaji untuk bertemu dengan partisipan. Keadaan yang tidak menentu seperti hujan dan banjir di kawasan tempat tinggal partisipan telah menyukarkan kajian ini dilakukan.

1.8 Definisi Konseptual dan Operasional

1.8.1 Banjir

Definisi Konseptual

Banjir adalah satu limpahan air yang berlaku apabila takungan air tidak dapat menampung air tersebut (Rapheal, Newman dan et al., 2000). Banjir boleh mengakibatkan peningkatan kematian, kemusnahan tempat tinggal, kemusnahan alam sekitar, kegawatan ekonomi dan kepupusan binatang. Banjir mendatangkan pelbagai permasalahan kepada mangsa-mangsa yang terlibat (Rapheal, Newman dan et al., 2000). Banjir dikategorikan sebagai bencana alam semulajadi yang ketiga terburuk di dunia (Bryant dan Boman, 2000).

Definisi operasional

Banjir adalah kejadian bencana alam yang terburuk pernah berlaku 100 tahun lalu di negeri Johor. Kejadian bencana alam ini mengakibatkan ramai penduduk dipindahkan ke tempat yang lebih selamat. Seramai 109 000 mangsa telah dipindahkan akibat kejadian banjir ini (Nurul Huda Hassan, 2007). Mangsa yang terlibat dengan banjir tersebut rata-ratanya mengalami kesan trauma dalam diri mereka (Zainol Denon, 2007).